

12 MAY 2001

Anthony-Langkawi (Bergambar)

LINDUNGI IDENTITI DAN WARISAN LANGKAWI, KATA PERDANA MENTERI ST LUCIA

LANGKAWI, 12 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Kepulauan St Lucia, Dr Kenny Davis Anthony yang berada di sini dalam rangka lawatan berkata penekanan perlu diberikan dalam melindungi identiti dan warisan penduduk Langkawi untuk menarik lebih ramai pelancong di masa depan.

"Manusia yang menghidupkan industri pelancongan dan ini menunjukkan yang personaliti adalah faktor paling penting kerana pelancong akan mengelak sesuatu tempat jika berpendapat mereka tidak diterima di situ," kata beliau kepada pemberita di akhir lawatan dua hari ke pulau percutian itu di sini, hari ini.

Sebelum itu, Dr Anthony dan isteri melawat Pusat Kraftangan di Teluk Yu sebelum ke Oriental Village, kompleks membeli belah bersepadu di Teluk Burau di sini.

Beliau berkata, pihak berkuasa Langkawi tidak harus membuat kesilapan yang sama seperti yang dibuat oleh negara pulau di Laut Caribbean itu yang mengubah gaya hidup penduduknya.

"Yang paling penting ialah menyediakan penduduk bagi pelancongan dengan mendidik dan kaitkan mereka dengan industri bagi menghadapi cabaran masa depan," kata beliau.

Dr Anthony berkata pelbagai jenis produk pelancongan yang diadun dengan budaya dan tradisi berwarna-warni, menjadikan Langkawi destinasi pelancongan antarabangsa.

Perdana Menteri itu, isterinya Rose Marie dan delegasi tujuh orang tiba di sini semalam bagi lawatan dua hari ke pulau percutian itu.

Dr Anthony tiba di Malaysia, Rabu lepas atas jemputan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Semasa lawatan singkat itu di sini, mereka ke beberapa tempat menarik seperti Dataran Lang, mercu tanda Langkawi dan Galeria Perdana, muzium yang menempatkan koleksi cenderamata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Anthony dan rombongan kemudian berlepas ke Kuala Lumpur dan dijangka melawat Menara Kembar Petronas petang ini.

-- BERNAMA

NH PR